



DR Abu Bakar (kanan) melihat minyak kelapa sawit sebagai Syntetic Green Engin Oil.

HARIAN METRO

perubatan.

“Kita ada 25 organisasi termasuk institut penyelidikan, pihak universiti dan agensi pembangunan teknologi yang sudah menyatakan kesediaan untuk menghasilkan inovasi produk untuk memenuhi keperluan tertentu.

“Sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY’16) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, MOSTI komited dalam membantu penyelidik dengan menyediakan platform atau menjadi pemudah kepada mereka untuk memasarkan produk masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa ketujuh (IGEM 2016) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Abu Bakar berkata, setakat ini Kementerian sudah membelanjakan lebih RM3 bilion untuk tempoh tiga tahun khusus membantu penyelidik menghasilkan produk inovasi untuk dipasarkan secara meluas.

Produk **inovasi**

■ MOSTI sasar pasar 320 hasil pakar tempatan

Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan sekurang-ku-

rangnya 320 produk inovasi yang dihasilkan oleh tenaga pakar tempatan akan dipasarkan secara meluas menjelang 2020 nanti.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abdul Bakar Mohamad Diah berkata, menerusi inisiatif berterusan yang dilaksanakan MOSTI dan beberapa kementerian serta agensi lain mampu merea-

lisasikan matlamat berkenaan untuk menjadikan negara ini sebagai antara pengeluar produk berinovasi untuk pasaran tertentu.

Beliau berkata, setiap tahun agensi penyelidikan dan penyelidik universiti menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk berinovasi membabitkan teknologi pembuatan, makanan dan